



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 10 Februari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN kaji sekat kad kredit asing beli petrol RON95

Langkah pastikan pemberian subsidi bahan api hanya dinikmati rakyat layak

Oleh Zanariah Abd Mutalib,
Latifah Arifin dan Mohammad
Khairil Ashraf Mohd Khalid
bhnews@bh.com.my


Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mengkaji mekanisme untuk menyekat penggunaan kad kredit asing bagi pembelian petrol RON95 di negara ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata ia bagi memastikan pemberian subsidi RON95 hanya dinikmati rakyat yang layak.

Beliau berkata, KPDN akan mewujudkan peraturan baharu yang melarang pembelian RON95 bersubsidi oleh kenderaan berpendaftaran asing.

"Melalui peraturan baharu ini nanti, larangan dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas pemilik atau pemandu kenderaan berpendaftaran asing.

"Peraturan ini disasarkan siap dan berkuat kuasa bermula 1 April 2026," katanya ketika ucapan penggulungan perbahasan usul menjunjung kasih titah di Dewan Rakyat, semalam.



Armizan ketika ucapan penggulungan perbahasan usul menjunjung kasih titah diraja di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)



Selain itu, katanya, pemeriksaan di bawah Ops Samar juga akan dipertingkatkan di stesen minyak yang dikenal pasti kawasan titik panas bagi membanteras aktiviti penyelewengan.

"Kementerian memandang serius dakwaan wujud unsur ugutan atau pemerasan ke atas pengusaha stesen minyak menggunakan rakaman video.

"Tindakan sedemikian adalah kesalahan jenayah di bawah undang-undang lain dan pihak terbabit boleh membuat laporan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM). KPDN akan bekerjasama dengan PDRM sekiranya terdapat elemen penyalahgunaan peruntukan penguatkuasaan untuk tujuan ugutan," katanya.

Tangani isu kos sara hidup

Sementara itu, Armizan berkata, Pelan Tindakan Kos Sara Hidup Negara yang baharu akan dilancarkan pada suku kedua tahun ini, yang akan memastikan tindakan kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup lebih terasas dan berkesan.

Beliau memaklumkan kementerian dalam proses akhir pe-

nyediaan pelan berkenaan.

"Usaha untuk menggerakkan, menangani isu terkait dengan kos sara hidup ini akan kita gerakkan merentasi kementerian.

"Di bawah Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), terdapat kluster yang diwujudkan untuk menangani isu ini, iaitu kluster makanan, kesihatan, pendidikan, perumahan, pengangkutan, pendapatan dan utiliti. Setiap kluster ini, ada kementerian penajarnya," katanya.


Pelan Tindakan Kos Sara Hidup Negara yang baharu terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) pada Julai tahun lalu, sebagai usaha memperkuat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan strategi untuk menangani kos sara hidup.

Mengenai cadangan penghapusan subsidi gula, Armizan memaklumkan, pemberian insentif dan bersifat sementara yang dilaksanakan kerajaan kini di peringkat kajian semula oleh KPDN dan Kementerian Kewangan, selaras hasrat kerajaan untuk memuktamadkan hala tuju baharu struktur harga gula putih bertapis.

Proses itu katanya, perlu dilaksanakan secara teliti bagi mengelakkan tekanan inflasi mendadak kepada pengguna.

"Dari segi pelaksanaan, pemberian insentif ini bersasar dan terhad kepada gula putih bertapis pek satu kilogram (kg) atau 2kg sahaja. Insentif ini tidak terpakai bagi gula digunakan industri makanan dan minuman (F&B) berskala besar," katanya.

Sekat kad kredit asing, pastikan subsidi RON95 hanya dinikmati rakyat



ARMIZAN MOHD. ALI

KUALA LUMPUR: Kajian mengenai mekanisme untuk menyekat penggunaan kad kredit asing bagi pembelian petrol RON95 sedang dijalankan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, ia untuk memastikan subsidi RON95 hanya dinikmati oleh rakyat yang layak.

Katanya, kerajaan akan mewujudkan peraturan baharu yang melarang pembelian RON95 bersubsidi oleh kenderaan berpendaftaran asing.

"Melalui peraturan baharu ini kelak, larangan dan tindakan un-

dang-undang boleh diambil ke atas pemilik atau pemandu kenderaan berpendaftaran asing.

"Peraturan ini disasarkan siap dan berkuat kuasa bermula pada 1 April 2026," katanya ketika sesi penggulungan perbincangan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat, semalam.

Armizan berkata, pemeriksaan di bawah Op Samar iaitu pemantauan tanpa pakaian seragam juga akan dipertingkatkan di stesen minyak yang dikenal pasti sebagai kawasan titik panas bagi membanteras aktiviti penyelewengan.

"Kementerian sememangnya memandang serius dakwaan wujud unsur ugutan atau pemerasan ke atas pengusaha stesen minyak menggunakan rakaman video.

"Tindakan sedemikian adalah kesalahan jenayah di bawah undang-undang lain dan pihak terlibat boleh membuat laporan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan bekerjasama dengan PDRM sekiranya terdapat elemen penyalahgunaan peruntukan penguatkuasaan untuk tujuan ugutan," katanya.

Special panel to monitor influx of foreign products

Hayati Dzulkifli

PAPAR: Enforcement against the influx of foreign products will be a key focus of the Special Cabinet-Level Committee recently established to address misuse of social visit passes and the risk of an oversupply of foreign goods in the country.



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said he raised the issue in the newly formed committee following concerns from various parties regarding the safety of the products involved.

He said the Cabinet also agreed with Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) proposal that the same committee examine the risk of an influx foreign products into the country.

"The local Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs) raised their concerns over the entry of foreign goods into the country, either through online sales to consumers or imports by domestic and foreign investors for use in their projects and enterprises.

"This scenario is feared to pose the risk of an oversupply of foreign products in the domestic market, affecting locally produced goods and threatening the viability of local MSME businesses," he said.

Armizan, who is also Papar MP, said this in a press conference after officiating the groundbreaking ceremony for the Kinarut Palm Avenue project developed by WSG Group here on Feb 7.

Also present were WSG Group Managing Director Datuk Susan Wong; Kawang Assemblyman Dato' Sri Ghulam Haidar Khan Bahadar; Limbahau Assemblyman Datuk Juil Nuatim and 10Star Cinema Chief Executive Officer Onn Norshal Hamzah.

Armizan said there are also concerns regarding the standards and quality of foreign or imported products entering the country without comprehensive controls, particularly through online purchases, which could potentially impact local products.

"The influx of foreign products is affecting the market for local goods, especially MSMEs, and this is a concern for us because the government actively promotes the purchase and use of local products.

"We observe a growing tendency and risk of foreign goods flooding the market, possibly due to price factors. However, it is not solely about price — we must also consider the impact on local MSME businesses, including product quality," he said.

Last Friday (Feb 6), Unity Government spokesman Datuk Fahmi Fadzil, who is also Communication Minister, announced the formation of a special committee or task

force to address the misuse of social visit passes by foreigners and the oversupply of foreign goods in the local market.

Armizan said the Federal Finance Ministry will coordinate the committee, which will also include KPDN, the Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives (KUSKOP), the Home Ministry, the Housing and Local Government Ministry, and the Ministry of Investment, Trade and Industry (Miti).

In addition to Kuskop's focus on MSME interests, he said KPDN addresses the issue from the perspective of safety, quality and standards of foreign goods.

He added that the matter is comprehensive and requires the involvement of other relevant ministries to ensure proper oversight and control.

"While Kuskop examines the issue from the MSME perspective, KPDN focuses on market sustainability, the health of the domestic market, and the importance of prioritising local goods. This is KPDN's core responsibility. On this basis, KPDN welcomes the establishment of this special inter-ministerial committee, as it is directly aligned with the agenda of encouraging and prioritising the purchase of locally made goods in the domestic market," Armizan said.

He said the establishment of this committee is appropriate for coordinating, monitoring, and enforcing measures involving legislation and policy.

Lemon Law lindung pengguna, mendisiplinkan pasaran



**NOOR
MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

MELINDUNGI hak dan kepentingan pengguna terus menjadi agenda utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) apabila Datuk Armizan Mohd. Ali ketika majlis perutusan tahun baharu 2026 mengumumkan untuk menggubal serta meminda beberapa undang-undang utama pada tahun ini.

Langkah ini bagi memperkukuh perlindungan pengguna dan memastikan ekosistem perdagangan lebih adil serta mampan.

Antara yang menarik perhatian ialah cadangan penggubalan *Lemon Law* sebagai reformasi penting dalam usaha memperkukuh sistem perlindungan pengguna di Malaysia.

Lemon Law adalah undang-undang yang menyediakan hak tebus rugi kepada pembeli kenderaan bermotor dan barangan pengguna lain untuk mendapatkan remedi terhadap produk yang berulang kali rosak dan gagal memenuhi standard kualiti dan prestasi.

Remedi yang boleh dituntut pengguna atau pembeli melibatkan pembaikan, penggantian, pengurangan harga atau pembayaran balik.

Sebagai permulaan, pihak kementerian menyasarkan untuk pembelian kenderaan baharu yang mana penggubalan peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 membolehkan kita menetapkan prosedur dan mekanisme penyelesaian pertikaian tuntutan tebus rugi yang lebih adil dan bertanggungjawab.

Ironinya, sebagai pengguna, pengalaman memiliki kenderaan baharu yang kerap rosak bukan sahaja membebaskan dari segi kewangan tetapi turut memberi tekanan emosi kepada pemilik. Misalnya, ada yang terpaksa berulang-alik ke pusat servis, mengambil cuti kerja, selain menanggung angsuran bulanan walaupun kenderaan tidak dapat digunakan sepenuhnya.



PENGGUBALAN *Lemon Law* mencerminkan komitmen kerajaan untuk menutup jurang perlindungan pengguna, khususnya dalam pembelian bernilai tinggi seperti kenderaan baharu. - GAMBAR HIASAN

Lebih mengecewakan apabila kebanyakan aduan dan rungutan pengguna berakhir dengan pembaikan sementara tanpa penyelesaian muktamad. Dalam situasi sebegini, pengguna sering berada di pihak yang lemah, manakala pengeluar atau pengedar mempunyai kelebihan dari segi teknikal dan perundangan. Maka inilah jurang yang cuba dirapatkan oleh KPDN melalui penggubalan *Lemon Law*.

Kekuatan utama akta ini dilihat terletak pada klausa tafsiran hak pengguna yang diperuntukkan secara khusus melalui undang-undang yang lebih jelas dan spesifik. Hal ini cukup signifikan kerana akta ini membolehkan pengguna tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada tafsiran jaminan yang kabur atau budi bicara pengeluar semata-mata.

Undang-undang ini akan menetapkan kriteria jelas tentang bila sesuatu produk dianggap rosak atau gagal berfungsi, serta bentuk penyelesaian yang wajib ditawarkan.

Antara perlindungan praktikal yang diberikan kepada pengguna termasuk hak untuk menuntut pembaikan muktamad dalam tempoh masa munasabah, mendapatkan penggantian produk jika kerosakan berulang atau menerima pemulangan wang sekiranya kegagalan produk menjejaskan fungsi utama atau keselamatan.

Umumnya, *Lemon Law* juga mengurangkan beban

kewangan dan psikologi pengguna yang selama ini terpaksa menanggung kos tambahan, kehilangan masa dan tekanan emosi. Lebih penting, ia mewujudkan imbalan kuasa antara pengguna dan pengeluar, sekali gus memperbaiki hubungan pasaran secara keseluruhan.

Walaupun Malaysia sudah mempunyai Akta Perlindungan Pengguna, namun masih memerlukan akta baharu seperti ini bagi menangani kelompangan yang wujud.

Hal ini wajar kerana banyak kes melibatkan kenderaan dan produk tertentu gagal diselesaikan secara tuntas.

Realitinya, proses aduan yang panjang, keperluan bukti teknikal yang sukar diperoleh serta jurang kuasa antara pengguna dan industri sering menyebabkan pengguna terpaksa mengalah.

Justeru, *Lemon Law* hadir tepat pada masanya bukan untuk menggantikan undang-undang sedia ada tetapi sebagai pelengkap yang memberi perlindungan lebih bersasar dan berkesan.

Pemilihan kenderaan baharu sebagai fokus awal adalah langkah pragmatik KPDN setelah meneliti realiti kes yang berlaku. Hakikatnya, kenderaan merupakan pembelian bernilai tinggi bagi kebanyakan isi rumah, melibatkan komitmen kewangan jangka panjang serta berkait rapat keselamatan nyawa pengguna dan orang awam.

MUDAH DIPANTAU

Selain itu, aduan pengguna berkaitan kenderaan boleh dikatakan terus meningkat secara konsisten setiap tahun. Tambahan pula, industri automotif juga mempunyai struktur pengeluar, pengedar dan pusat servis yang teratur, menjadikan pelaksanaan *Lemon Law* lebih mudah dipantau dan dinilai pada peringkat awal.

Pendekatan berperingkat ini akan membolehkan pihak kementerian dapat menilai keberkesanan pelaksanaan undang-undang baharu ini sebelum mempertimbangkan peluasan skop kepada produk lain.

Di Amerika Syarikat (AS) misalnya, undang-undang ini membolehkan pengguna menuntut penggantian atau bayaran balik jika kenderaan gagal dibaiki selepas beberapa percubaan dalam tempoh tertentu.

Australia pula memperkukuh hak pengguna melalui jaminan mandatori yang tidak terikat sepenuhnya kepada syarat jaminan pengeluar.

Pengalaman negara-negara ini membuktikan perlindungan pengguna yang kukuh meningkatkan keyakinan pasaran dan disiplin industri.

Justeru, sebagai pengguna kita wajar menyokong penuh hasrat ini untuk menggubal *Lemon Law* pada tahun ini dan diharap dapat mengadakan sesi libat urus yang sewajarnya dengan pihak industri bagi meredakan kebimbangan mereka.

Hal ini penting kerana kita tidak mahu undang-undang ini dilihat tidak mengimbangi hak dan kepentingan pihak industri kerana kebimbangan utama mereka ialah terhadap aspek kos pematuan dan potensi tuntutan berlebihan dari pengguna.

Namun, kebimbangan ini boleh ditangani melalui takrif undang-undang yang jelas, had tuntutan munasabah serta proses penilaian teknikal yang telus.

Hakikatnya, *Lemon Law* tidak bertujuan menghukum, sebaliknya mendisiplinkan pasaran. Pengeluar yang beretika, telus dan yakin dengan mutu produk tidak perlu bimbang. Malah, undang-undang ini boleh menjadi pemangkin peningkatan kawalan kualiti, inovasi dan perkhidmatan selepas jualan.

Dalam konteks ini, keberkesanan *Lemon Law* tidak hanya bergantung kepada peruntukan undang-undang tetapi juga kepada aspek penguatkuasaan. Misalnya, peranan KPDN serta Tribunal Tuntutan Pengguna perlu diperkukuh melalui garis panduan yang jelas, tempoh masa penyelesaian munasabah dan mekanisme penilaian teknikal yang bebas.

Cadangan seperti penubuhan panel penilai bebas, takrif jelas 'kerosakan berulang', had masa pembaikan maksimum serta sistem aduan digital bersepadu boleh memastikan *Lemon Law* berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Tuntasnya, pasaran yang adil tidak boleh bergantung kepada kepercayaan semata-mata, sebaliknya perlu disokong dengan undang-undang yang melindungi pihak paling lemah.

Lemon Law bakal mencerminkan kematangan dasar negara dalam mengimbangi kepentingan pengguna dan industri. Pelaksanaannya secara telus, berperingkat dan berkesan, bukan sahaja melindungi pengguna, malah mampu mengangkat standard pasaran Malaysia ke tahap yang lebih adil, selamat dan berintegriti.

PENULIS ialah Timbalan Pengarah (Komunikasi Korporat) Pusat Strategi Dan Perhubungan Korporat (PSPK), Universiti Putra Malaysia (UPM).



确保仅大马公民受惠 拟禁外国信用卡添补贴油

(吉隆坡9日讯) 为确保 RON95 汽油补贴只惠及符合资格的马来西亚公民，国内贸易及生活成本部正在研究禁止使用外国信用卡添购补贴汽油的措施。

部长拿督阿米占今日在国会下议院总结国家元首施政御词辩论时指出，此条规的设立是为了防止外国车辆购买 RON95 汽油。

他指出，在上月28日曾在国会提及，该部将通过新条规，向购买 RON95 汽油的外国车主或驾驶者采取法律行动。

他透露，有关小条规预计在今年4月1日正式生效。

出了在条规上加强执法，阿米占指出，该部也通



阿米占

过与各大油站进行战略合作方式，进一步加强预防措施。

与此同时，该部也将加强在违规热点区域的“乔装行动”（Ops Samar），以打击非法加油和其他违规行为。

內貿部：防補貼被濫用

擬禁外國信用卡添RON95

（吉隆坡9日訊）國內貿易及生活成本部長拿督阿米占說，為進一步打擊外國人違法添加經政府補貼的燃油，該部考慮指示油站油泵信用卡機器（outdoor payment terminal），禁止接收外國人持有的信用卡交易。

他今日在國會下議院，為國家元首施政御詞辯論進行部門總結時說，內貿部執法組也將加強執法，官員以便衣巡訪油站，監督相關油站和駕駛人士是否有遵守規定。

他也說，今年4月1日起，外國註冊車輛和司機，禁添加經政府補貼的RON95汽油。

“凡涉及出售或購買RON95補貼汽油的油站、外國註冊車輛車主和司機，皆將被採取嚴厲行動對付。”

男子違規添油罰9000


“目前禁令仅限于禁止油站，向外國註冊車輛銷售補貼RON95汽油，而該部這次根據1961年供應管制法令第6條文修訂條例，改善這方面問題。”

柔佛古拉一所油站在上個

月2日發生外國車輛違規添油事件。一名駕駛新加坡註冊轎車的男子被發現用貼紙遮蓋前後車牌的S和M字母後，在油站偷添RON95汽油，被本地民眾揭發後，被告和車內一名女子都堅稱“是馬來西亞人”。

涉案的馬來西亞籍但目前為新加坡永久居民的64歲男子，他隨後被控上古來推事庭，他對此表示認罪，并被罰款9000令吉。

上個月9日，一名男子駕駛泰國註冊車在吉打雙溪大年一所油站添油，他被民眾當



■阿米占

場發現添購RON95汽油，在被公眾質疑時，男子稱是“媳婦的車”，並稱孩子也是本地人。

政府同意削減白糖補貼

(吉隆坡9日讯) 国内贸易及生活成本部长拿督阿米占宣布，政府同意削減白糖補貼。

他今日在国会下议院，为国家元首施政御词辩论进行部门总结时说，削減補貼的细节和具体实施方案将在近期内公布。

他说，内贸部正与财政部商讨调整白糖价格的方向。

较早前，诚信党埔莱国会议员苏海山在阿米占总结时打岔，询问了政府研究取消白糖補貼的进展。

阿米占进一步解释说，政府不能在短时间内大幅削減白糖補貼，因为担心此举会导致物价暴涨，加重民众经济负担。

内贸部副部长拿督傅芝雅早前接受媒体访问时说，政府正在探讨最合适机制，重新评估每月耗资4200万令吉的白糖補貼计划。

每月4200萬白糖補貼 傅芝雅：探討合適機制

(布城21日讯) 国内贸易及生活成本部副部长拿督傅芝雅说，政府目前还未决定是否取消白糖補貼，并正在探讨最合适机制，重新评估这项每月耗资4200万令吉的補貼计划。

她说，相关研究已经进行，也有了几项建议，唯政府还没有最终决定。

“政府正在研究如何节省或重组这每月4200万令吉的補貼。”

傅芝雅接受“自由今日大

马”访问时说，马来西亚糖厂(MSR)目前每月为国内市场生产2万4000吨的一公斤包装标准白糖，按照每包白糖補貼1令吉计算，马来西亚糖厂每月得到2400万令吉的補貼。

“中央制糖厂(CSR)则每月生产1万8000吨的白糖，获得1800万令吉的補貼。”

目前大马的白糖零售价为每公斤2令吉85仙，是全球最便宜的白糖价格。





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sticky price punca harga barang import sukar diturunkan

Oleh NURAINA HANIS

ABD. HALIM

hanis.halim@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kos barang import sukar diturunkan walaupun nilai ringgit mengukuh berikutan fenomena harga kaku atau *sticky price*, selain ketidak-tentuan semasa.

Pensyarah ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Siti Hadijah Che Mat berkata, penurunan harga di pasaran tempatan sukar berlaku kerana dipengaruhi pelbagai faktor struktur kos dan tingkah laku pasaran.

Beliau yang juga Felo di Institut Kajian Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFI) berkata, harga barangan yang telah mening-

kat sebelum ini diramal sukar diturunkan, selari dengan *sticky price* iaitu harga barang mudah naik, namun lambat untuk turun.

"Keadaan itu turut dipengaruhi ketidak-tentuan nilai ringgit. Peniaga bimbang sekiranya harga diturunkan dalam tempoh singkat dan nilai ringgit kembali melemah, mereka terpaksa menaikkan harga semula, sekali gus menjejaskan hubungan dan kepercayaan pengguna.

"Justeru, sebahagian peniaga memilih untuk mengekalkan harga semasa. Selain itu, penurunan harga sukar dilakukan kerana kos operasi lain kekal tinggi dan tidak menurun," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, hal itu mengambill kira kos sewa premis, gaji pekerja serta bil utiliti seperti elektrik dan air.

Jelasnya, faktor-faktor tersebut menyebabkan ruang untuk mengurangkan harga jualan menjadi terhad, walaupun terdapat penjimatan daripada kos barangan import.

"Malah, bagi pengeluaran barangan dan makanan tempatan seperti ternakan dan sayur-sayuran, kebergantungan kepada input import masih tinggi.

"Bahan seperti dedak, jagung, baja dan racun kebanyakannya diimport, sekali gus terdedah kepada harga pasaran global.

"Sebagai contoh, harga ayam kekal tinggi kerana kos ma-

kanan ayam seperti dedak dan jagung yang berada pada paras tinggi di peringkat global, mengatasi kesan pengukuhan nilai ringgit," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Dr. T. Saravanan berkata, penurunan harga lazimnya hanya berlaku apabila terdapat tekanan daripada permintaan dan penawaran, bukannya semata-mata kerana kos input menjadi lebih murah.

Menurutnya, walaupun pasaran untuk menurunkan harga ekor pengukuhan ringgit adalah langkah yang baik dan memberi manfaat kepada pengguna, namun dalam realiti perniagaan, objektif utama ke-

banyakan peniaga ialah memaksimumkan keuntungan.

"Pengalaman menunjukkan bahawa harga jarang turun walaupun kos berkurang. Tidak semua harga boleh atau wajar dikawal oleh kerajaan kerana pasaran masih memainkan peranan penting dalam menentukan harga, terutamanya bagi barangan bukan kawalan.

"Pelaksanaannya bukan mudah dan sukar dikuatkuasakan secara menyeluruh. Peranan pengguna menjadi semakin penting.

"Pengguna perlu membandingkan harga, membuat pilihan yang bijak dan menuntut hak dengan tidak menyokong peniaga yang mengenakan harga tidak munasabah," katanya.

Medical price guide launched

Don't accept costs at face value, warn consumer groups

By **RAGANANTHINI VETHASALAM**
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: Private hospital bills are no longer a total shot in the dark.

Malaysians can now check the typical price tag for 26 common procedures before committing to treatment, under a new industry-led price guide.

The guide released by the insurance and takaful industry is aimed at lifting the lid on medical costs but consumer groups cautioned that transparency should not become a rubber stamp for rising fees or normalising high prices.

The Malaysian Insurers and Takaful Operators (ITOs) in collaboration with industry associations – Life Insurance Association of Malaysia (Liam), Malaysian Takaful Association (MTA) and Persatuan Insurans Am Malaysia (Piam) – established a central medical claims data platform referred to as the “MHIT Database”.

“This initiative aims to facilitate

the disclosure and publication of the price ranges of common healthcare services sought at private healthcare facilities in Malaysia,” the industry players said in the guideline published on the websites of insurance associations.

The price disclosure allows patients to compare costs and make informed decisions before receiving treatment, added the guideline.

Actual charges may differ depending on one's medical needs, the healthcare provider and the type of treatment required.

However, insurance coverage remains subject to the terms and conditions of one's policy.

The bill amount is presented in the form of the ‘Typical Bill Amount’ which refers to the median bill, where 50% of the patients are charged below the stated amount.

The rates given are for inpatient admissions where the length of the stay and daycare where the patient is discharged on the same day. The amount varies accord-

ing to states and age groups.

For example, the typical bill amount for cataract surgery is RM8,400 for daycare admission.

The typical bill amount for an angiogram is RM11,700.

The removal of fibroid where inpatient admission is required will cost RM24,600.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) secretary-general T. Saravanan said that while the publication of the price guide may appear helpful, it is important to emphasise that this is fundamentally an industry-driven initiative and consumers should approach it with caution.

“The data is derived from insurance and takaful claims, which are part of a profit-oriented private healthcare and insurance ecosystem. As such, the figures reflect what the market has already charged and paid, rather than what may be fair, reasonable or affordable for the average Malaysian.

“There is a real risk that industry-generated data could normalise high prices instead of ques-

tioning or correcting excessive charges that consumers have long complained about in the private healthcare sector,” he said.

Saravanan said consumers should not treat the price guide as a benchmark or endorsement of acceptable pricing.

“We should wait for official, independently verified data from the Health Ministry to ensure accuracy, reliability and fairness. The Health Ministry's oversight is crucial to ensure that pricing information is grounded in medical necessity and public interest, not solely commercial considerations.

“In addition, any baseline recommendations on healthcare costs should ideally be guided by a neutral agency such as the Finance Ministry, to ensure pricing frameworks remain within the means of consumers and align with broader cost-of-living realities.

“Transparency must go hand in hand with strong governance, otherwise it risks becoming a tool that benefits industry players more than patients,” he added.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 10 FEBRUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
10-Feb	KPDN setuju kurangkan subsidi gula – Armizan	https://malaysiagazette.com/2026/02/09/kpdn-setuju-kurangkan-subsidi-gula-	MALAYSIA GAZETTE
10-Feb	Govt to block use of foreign credit cards at petrol stations	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/02/09/govt-to-block-use-of-foreign-credit-cards-at-petrol-stations	THE STAR
10-Feb	Jual emas palsu boleh didenda sehingga RM25,000 - KPDN	https://www.sinarharian.com.my/article/767393/berita/semasa/jual-emas-palsu-boleh-didenda-sehingga-rm25000---kpdn	SINAR HARIAN
10-Feb	Kedai serbaneka di Labuan disiasat pameran harga tidak selaras	https://sabahmedia.com/2026/02/09/kedai-serbaneka-di-labuan-disiasat-pameran-harga-tidak-selaras	SABAH MEDIA
10-Feb	PARLIMEN: Dasar penggubalan perundangan e-dagang baharu kini di peringkat akhir	https://www.utusan.com.my/terkini/2026/02/parlimen-dasar-penggubalan-perundangan-e-dagang-baharu-kini-di-peringkat-akhir/	UTUSAN
10-Feb	PJRM dilaksana secara inklusif, tidak pinggir peniaga kecil	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pjrm-dilaksana-secara-inklusif-tidak-pinggir-peniaga-kecil/	RTM
10-Feb	RM3.4 Juta Penjimatan Dini-kmati Pengguna Menerusi PJRM Di Perlis Pada 2025	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2522076	BERNAMA

10-Feb	MADANI Rahmah Sales In Perlis Helped Consumers Save RM3.4 Mln Last Year - KPDN	https://emasgold.com.my/general-madani-rahmah-sales-in-perlis-helped-consumers-save-rm3-4-mln-last-year-kpdn/	EMAS GOLD
10-Feb	MADANI Rahmah Sales In Perlis Helped Consumers Save RM3.4 Mln Last Year - KPDN	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2521937	BERNAMA
10-Feb	RON95 disasar untuk rakyat, kenderaan asing dilarang beli mulai April 2026	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ron95-disasar-untuk-rakyat-kenderaan-asing-dilarang-beli-mulai-april-2026/	RTM
10-Feb	PARLIMEN: KPDN kaji sekat kad kredit asing beli RON95	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/02/parlimen-kpdn-kaji-sekat-kad-kredit-asing-beli-ron95/	UTUSAN
10-Feb	KPDN kaji sekat kad kredit asing beli RON95	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/02/1320803/kpdn-kaji-sekat-kad-kredit-asing-beli-ron95	HARIAN METRO
10-Feb	KPDN kaji mekanisme sekat kad kredit asing beli RON95	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/02/1507368/kpdn-kaji-mekanisme-sekat-kad-kredit-asing-beli-ron95	BERITA HARIAN
10-Feb	KPDN kaji sekat kad kredit asing beli RON95	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/02/1320803/kpdn-kaji-sekat-kad-kredit-asing-beli-ron95	HARIAN METRO
10-Feb	KPDN Studies Legislative Amendments To Close RON95 Subsidy Loopholes	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2521914	BERNAMA

10-Feb	KPDN kaji sekatan kad kredit asing beli RON95	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kaji-sekat-kad-kredit-asing-beli-ron95/	TV3
10-Feb	Ministry to limit foreign credit card use for RON95 petrol	https://www.nst.com.my/news/nation/2026/02/1374577/ministry-limit-foreign-credit-card-use-ron95-petrol	NST
10-Feb	KPDN kaji sekatan kad kredit asing untuk pembelian RON95 bersubsidi	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kaji-sekatan-kad-kredit-asing-untuk-pembelian-ron95-bersubsidi-558888	ASTRO AWANI
10-Feb	KPDN Teliti Pindaan Perundangan, Tutup Ruang Manipulasi Pembelian RON95 Bersubsidi	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2521913	BERNAMA
10-Feb	Ministry mulls legal reforms to hit RON95 fuel subsidy cheats, block foreign cards at pumps	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2026/02/09/ministry-mulls-legal-reforms-to-hit-ron95-fuel-subsidy-cheats-block-foreign-cards-at-pumps/208647#google_vignette	MALAYMAIL
10-Feb	确保仅大马公民受惠 拟禁外国信用卡添补贴油	https://www.enanyang.my/news/20260209/Finance/1161127	ENANYANG
10-Feb	防补贴被滥用 内贸部拟禁外国信用卡添RON95	https://www.sinchew.com.my/news/20260209/nation/7257695	SIN CHEW
10-Feb	阿米占：遏制补贴漏洞 政府拟禁油站使用外国信用卡	https://www.orientaldaily.com.my/news/nation/2026/02/09/796481	ORIENTAL DAILY
10-Feb	拟禁外国信用卡购RON95 内贸部：免补贴遭滥用	https://www.8tvnews.my/localnews/nijinwaiguoxinyongkagouron95-neimaobumianbutiezaolanyong/	8TV
10-Feb	Kerajaan kaji mekanisme sekatan kad kredit asing beli RON95	https://mediaselangor.com/ms/2026/02/343103	MEDIA SELANGOR

10-Feb	Insentif gula dikaji semula, kerajaan elak kesan kenaikan harga makanan	https://berita.rtm.gov.my/uncategorized/senarai-berita-uncategorized/senarai-artikel/insentif-gula-dikaji-semula-kerajaan-elak-kesan-kenaikan-harga-makanan/	RTM
10-Feb	PARLIMEN: Subsidi gula akan dikurangkan	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/02/parlimen-subsidi-gula-akan-dikurangkan/	UTUSAN
10-Feb	PARLIMEN: Subsidi gula akan dikurangkan	https://themalaytribune.com/parlimen-subsidi-gula-akan-dikurangkan/	THE MALAY TRIBUNE
10-Feb	取消白糖补贴需循序渐进 内贸部长：正与财政部研究方	https://www.sinchew.com.my/news/20260209/nation/7258060	SIN CHEW
10-Feb	近期宣布细节 实施方案 阿米占：政府将减白糖补贴	https://www.chinapress.com.my/20260209/%e8%bf%91%e6%9c%9f%e5%ae%a3%e5%b8%83%e7%bb%86%e8%8a%82-%e5%ae%9e%e6%96%bd%e6%96%b9%e6%a1%88-%e9%98%bf%e7%b1%b3%e5%8d%a0%ef%bc%9a%e6%94%bf%e5%ba%9c%e5%b0%86%e5%87%8f%e7%99%bd%e7%b3%96%e8%a1%a5%e8%b4%b4/	CHINA PRESS